# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

17 JANUARI 2024 (RABU)

Didenda RM8,000 Pindah Lembu, Kerbau

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Utusan | Negara | 15 | 17 Jan |

# Didenda RM8,000 pindah lembu, kerbau

**BUTTERWORTH** – Seorang pemandu lori didenda RM8,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melakukan pemindahan sembilan ekor haiwan ternakan tanpa kebenaran Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang, tahun lalu.

Tertuduh, Sheik Maideen Ali, 45, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Balqis Roslin.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa memindahkan dua ekor lembu jantan dan tujuh ekor kerbau jantan menggunakan sebuah lori pada 25 Julai tahun lalu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di bahu jalan hadapan Plaza Tol Sungai Dua Lebuhraya Utara Selatan (arah selatan) kira-kira 1 petang.

Dia dituduh melakukan kesalahan mengikut Perintah 4(1) (c) Perintah Haiwan (Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion serta Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 perintah bawah Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Negeri Roziman Awang Tahrin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh dalam rayuannya memohon hukuman denda minimum atas alasan menanggung tujuh orang anak dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,500.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara lapan bulan sekiranya gagal membayar denda ditetapkan itu.

Sheik Maideen kemudian membayar denda yang dikenakan itu.



**SHEIK MAIDEEN dibawa ke Mahkamah Majistret Butterworth untuk pertuduhan semalam.**

F&N’s Dairy Farm to Provide Impetus for Growth

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| The Star (Starbiz) | News | 7 | 17 Jan |

# F&N’s dairy farm to provide impetus for growth

**PETALING JAYA:** Fraser & Neave Holdings Bhd’s (F&N) long-awaited upstream fresh milk business project is slated to see its first milking in early 2025.

According to UOB KayHian Research (UOBKH Research) the dairy segment should provide impetus for growth and possibly a re-rating prospect for the stock.

The group started its upstream dairy farm in Gemas, Negri Sembilan last year.

The 2,726-ha plot of land is expected to eventually house 20,000 milking cows, producing 200 million litres of fresh milk – potentially making it the largest dairy farm in South-East Asia.

Its first phase will initially involve 10,000 milking cows producing 100 million litres of milk.

“The first milking timeline has been shifted from late-2024 as it was advised for their imported cows to be acclimatised under more favourable weather conditions as opposed to a project delay.

“Given these conditions, we deem the project to be on track,” said the research firm in a report yesterday.

The upstream project will be an addition to existing and established operations to bring stabiliser and additive-free fresh milk to the market. UOBKH Research noted that F&N, with dairy products under its Magnolia and Farmhouse brands, has an extensive distribution network across Malaysia.

“The upstream project will allow F&N to compete more meaningfully in the ready-to-drink and powdered milk market in Malaysia, which is close to RM5bil.

“This does not include markets for dairy products such as butter and ice cream.”

Apart from this, the easing of raw-material costs and a recovery in Thailand’s tourism sector should improve immediate earnings visibility for the group.

“F&N registered an operating margin of 17.2% for Thailand in the financial year 2023 (FY23).

“Management indicated that it targets mid-teen margins for FY24, which represents a slight shortfall to its pre-pandemic levels of 19%,” added UOBKH Research.

As for the cost of raw materials, its management indicated that this is expected to weigh on Thailand’s margins.

“However, we believe this could coincide with F&N’s hedging cycle given that recent prices for its inputs have softened against FY23’s average.

“Current prices for sugar, powdered milk and packaging costs are 3.2%, 7% and 3.7% lower, respectively, in comparison with FY23’s average.

“This bodes well as it could represent some further upside to margins heading into late-FY24.”

The research firm maintains a “buy” call on the stock with a target price of RM33.60.

It said decent execution of the upstream dairy project could prompt a re-rating for F&N, given the structural growth and opportunities the segment offers.

“F&N trades at a price-to-earnings ratio of 20.8 times FY24’s forecast performance, a deep bargain to 35.9 times, which is the average of its consumer-staple peers, Nestle (M) Bhd and QL Resources Bhd,” the research firm added.

Kuching, Bintulu Declared Rabies Infection Areas

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| New Straits Times | Nation | Online | 16 Jan |




The Sarawak Veterinary Services Department (DVS) and the Sarawak Security and Enforcement Unit had intensified their statewide anti-rabies vaccination programme. - NSTP file pic

KUCHING: Kuching and Bintulu were today declared rabies infection areas.

Sarawak Food Industry, Commodities and Rural Development Minister Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom said this was after 12 of the 16 dogs tested by the authorities were found to have rabies.

-ADVERTISEMENT-
Ads by

He said eight of the dogs were from Kuching, two in Bintulu and one each in Padawan and Bau.

"All the dogs were strays and had not been vaccinated (against rabies)," he said in a statement.

Rundi said he had signed an order today under Section 40(1) of the Veterinary Public Health Ordinance 1999 (VPHO) requiring that all dogs in the state be vaccinated against rabies.

"Dog owners must be responsible in ensuring that their beloved pets are vaccinated against rabies. Any owner who fails to

adhere to the order will be deemed to have committed an offence and fined up to RM2,500.

"Any dog which has been exposed to rabies and (the owner) does not have proof of vaccination will be put down," he said.

Rundi said the Sarawak Veterinary Services Department (DVS) and the Sarawak Security and Enforcement Unit had intensified their statewide anti-rabies vaccination programme.

He said dog owners can get their pets vaccinated at any government veterinary clinic during office hours.

Rundi added that mass vaccination programmes would also be carried out from time to time, adding that the public can get the details of these programmes from the Sarawak DVS Facebook page.

"This year, we target vaccinating 50,000 stray dogs in the state," he said.

Rundi also reminded dog owners not to let their pets out of their compounds as they could face a fine of p to RM5,000 under Section 37(3) of the VPHO.

He said, according to the state Health Department, there have been 18 rabies infections in humans in Sarawak, with 16 of them resulting in death.

Since July 2017, there have been 73 such cases, of which 66 resulted in deaths, he added.

As such, said Rundi, the public are advised to be careful and to immediately seek medical attention should they be bitten by animals.-NEWSTRAITSTIMES

Kuching, Bintulu Diisytihar Kawasan Jangkitan Rabies

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
| --- | --- | --- | --- |
| FMT | Tempatan | Online | 16 Jan |




Kerajaan Sarawak mengarahkan pemilik anjing memastikan haiwan peliharaan mereka divaksin dengan vaksin anti-rabies.

KUCHING: Sarawak mengisytiharkan dua bahagian di negeri itu iaitu Kuching dan Bintulu sebagai kawasan jangkitan rabies.

Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak, Stephen Rundi Utom berkata daripada 16 sampel yang dikumpuL, 12 ekor anjing diuji positif membabitkan lapan di Kuching, Padawan (1), Bau (1) dan Bintulu (2).

"Semua anjing berkeliaran yang diuji adalah tidak divaksinasi. Justeru, saya mengingatkan orang ramai untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan segera mendapatkan rawatan di klinik dan hospital berhampiran jika digigit oleh haiwan yang disyaki berpenyakit rabies," katanya dalam kenyataan.

Katanya, beliau menandatangani perintah pemvaksinan anti-rabies di bawah seksyen 40 (1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999, yang menghendaki semua anjing di dalam negeri mendapatkan vaksinasi

anti-rabies dan penggalak tahunan.

“Semua anjing berkeliaran yang diuji adalah tidak divaksinasi. Justeru, saya mengingatkan orang ramai untuk mengambil langkah berjaga-jaga dan segera mendapatkan rawatan di klinik dan hospital berhampiran jika digigit oleh haiwan yang disyaki berpenyakit rabies,” katanya dalam kenyataan.

Katanya, beliau menandatangani perintah pemvaksinan anti-rabies di bawah seksyen 40 (1) Ordinan Kesihatan Awam Veterinar 1999, yang menghendaki semua anjing di dalam negeri mendapatkan vaksinasi anti-rabies dan penggalak tahunan.

Rundi berkata pemilik anjing mesti bertanggungjawab memastikan haiwan peliharaan mereka divaksin dengan vaksin anti-rabies.

“Mana-mana pemilik atau orang yang menjaga anjing yang gagal mematuhi perintah ini akan didenda sehingga RM2,500.

“Manakala bagi anjing yang sudah terdedah kepada rabies yang tidak ada bukti vaksinasi akan dilupuskan,” katanya.

Rundi berkata Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPVS) Sarawak bersama dengan Unit Keselamatan dan Penguatkuasaan Sarawak (UKPS) telah mempergiatkan program vaksinasi anti-rabies di seluruh Sarawak.

“Orang ramai boleh mendapatkan vaksin anti-rabies anjing percuma mereka di mana-mana pejabat veterinar kerajaan pada waktu pejabat dan vaksinasi besar-besaran akan diumumkan dari semasa ke semasa di akaun Facebook rasmi JPVS,” katanya.

Beliau berkata tahun ini pihaknya menyasarkan untuk memberi vaksin sehingga 50,000 ekor anjing.

Menurut Jabatan Kesihatan Negeri, Sarawak mencatatkan 16 kematian tahun lepas daripada 18 kes rabies manusia.

Jumlah kumulatif kes rabies manusia kini berjumlah 73 dengan 66 kematian sejak Julai 2017.- FREEMALAYSIATODAY

Pemandu Lori Didenda RM8,000 Pindah Ternakan Tanpa Kebenaran

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Utusan | Nasional | Online | 16 Jan |



PEMANDU lori, Sheik Maideen Ali, 45, didenda RM8,000 oleh Mahkamah Majistret Butterworth, Pulau Pinang hari ini, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melakukan pemindahan sembilan ekor haiwan ternakan tanpa kebenaran Pengarah JPV. - Pic: SITI NUR MAS ERAH AMRAN

BUTTERWORTH: Seorang pemandu lori didenda RM8,000 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini, selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melakukan pemindahan sembilan ekor haiwan ternakan tanpa kebenaran Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang.

Tertuduh, Sheik Maideen Ali, 45, membuat pengakuan itu sebaik shaaja pertuduhan terhadapnya dibacakan di hadapan Majistret Balqis Roslin.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa memindahkan dua ekor lembu jantan dan tujuh ekor kerbau jantan menggunakan sebuah motolori pada 25 Julai tahun lalu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di bahu jalan hadapan Plaza Tol Sungai Dua Lebuhraya Utara Selatan (arah selatan) kira-kira pukul 1 petang.

Dia dituduh melakukan kesalahan mengikut Perintah 4(1)(c) Perintah Haiwan

(Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion serta Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 perintah bawah Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Negeri Roziman Awang Tahrin manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh dalam rayuannya memohon hukuman denda minimum atas alasan menanggung tujuh anak dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,500.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara lapan bulan sekiranya gagal membayar denda ditetapkan itu.

Sheik Maideen kemudiannya membayar denda tersebut. – UTUSAN

| Pemandu Lori Didenda RM8,000 Pindah Lembu, Kerbau Tanpa Kebenaran | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| Kosmo | Negara | Online | 16 Jan |



Sheik Maideen (kiri) ketika hadir di Mahkamah Majistret Butterworth hari ini. - Foto oleh SITI NUR MAS ERAH AMRAN / KOSMO!

BUTTERWORTH – Seorang pemandu lori didenda RM8,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, hari ini selepas mengaku bersalah atas pertuduhan melakukan pemindahan sembilan ekor haiwan ternakan tanpa kebenaran Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang.

Tertuduh, Sheik Maideen Ali, 45, membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Balqis Roslin.

Berdasarkan pertuduhan, tertuduh didakwa memindahkan dua ekor lembu jantan dan tujuh ekor kerbau jantan menggunakan sebuah motolori pada 25 Julai tahun lalu.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di bahu jalan hadapan Plaza Tol Sungai Dua Lebuhraya Utara Selatan (arah selatan) kira-kira 1 petang.

Dia dituduh melakukan kesalahan mengikut Perintah 4(1)(c) Perintah Haiwan (Kawalan dan Pembasmian Contagious Abortion serta

Penyakit Kuku dan Mulut) 2003 perintah bawah Subseksyen 36(1) Akta Binatang 1953 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 36(7) Akta Binatang (Pindaan) 2013 (Akta A1452) yang membawa hukuman denda maksimum RM15,000.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Veterinar Negeri Roziman Awang Tahrin, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Tertuduh dalam rayuannya memohon hukuman denda minimum atas alasan menanggung tujuh orang anak dengan pendapatan bulanan sebanyak RM3,500.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara lapan bulan sekiranya gagal membayar denda ditetapkan itu.

Sheik Maideen kemudiannya membayar denda terbabit pagi tadi. – KOSMO! ONLINE

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR